

Maybank naikkan BLR kepada 5.80 peratus

KUALA LUMPUR – Maybank menyamak semula Kadar Pinjaman Asas (BLR) daripada 5.55 peratus setahun pada masa ini kepada 5.80 peratus setahun mulai hari ini.

Kadar Pembiayaan Asas (BFR) Maybank Islamic Bhd. juga diubah



Maybank

daripada 5.55 peratus kepada 5.80 peratus.

Presiden dan Ketua Pegawai Ek-

sekutif Maybank, Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, semakan semula kadar faedah itu dibuat berasaskan kepada pelarasan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR).

“Kami menjangkakan pertumbuhan yang lebih baik daripada seg-

men perniagaan teras, memanfaatkan persekitaran ekonomi yang semakin meningkat serta lebih ramai pelanggan yang mengambil peluang terhadap kepelbagaian penawaran perkhidmatan dan produk,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan

di sini semalam.

Kali akhir Maybank dan Maybank Islamic mengubah BLR dan BFR masing-masing ialah pada 2 Mac tahun lalu dengan kadar diubah daripada 5.95 peratus kepada 5.55 peratus.